

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

COVID-19 : PELANJUTAN TEMPOH TARIK DIRI KURSUS PELAJAR PRASISWAZAH SEMESTER II SESI AKADEMIK 2019-2020

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.13/2020: Covid-19: Pindaan Tarikh Sesi Akademik 2019-2020 bertarikh 27 Mac 2020 serta **Pekeliling Akademik Bil. 2/2020: Pendaftaran Kursus Semester II Sesi Akademik 2019-2020** bertarikh 16 Januari 2020 adalah berkaitan.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Tertinggi Universiti telah bersetuju untuk menangguhkan sesi pembelajaran mulai 18 Mac 2020 dan menyambung kembali sesi pembelajaran bermula pada 27 April 2020 secara atas talian. Selaras dengan itu, **Pusat Pengurusan Akademik akan melanjutkan tempoh tarik diri kursus pelajar prasiswazah Semester II Sesi Akademik 2019-2020 sehingga 10 Mei 2020 (Ahad).**

Sekian untuk makluman. Terima kasih.

(Catatan : Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian dikecualikan daripada pelanjutan tempoh ini kerana perbezaan takwim akademik. Terima kasih.)